

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

**DALAM PERKARA TUNTUTAN MUTAAH
Di bawah Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam
(Terengganu) 2017**

SAMAN NO: 11100-016-XXXX-2018

ANTARA

XXXX
No. KP: 860414-46-XXXX

...PLAINTIF

DENGAN

XYXY
No. KP: 811217-11-XXXX

...DEFENDAN

**DI HADAPAN YANG ARIF
TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN, SMT., AMZ., PJK.
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU, NEGERI TERENGGANU**

**PADA HARI SELASA, 09 JAMADIL AWWAL 1440H
BERSAMAAN 15 JANUARI 2019**

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, tuntutan ini didengar untuk perbicaraan di dalam Mahkamah terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, dalam kehadiran Plaintiff yang diwakili oleh Pn. Ummu Abihah binti Mohd Roslan dari Tetuan Khairul Sofian Anuar & Co dan dalam kehadiran Defendan yang diwakili oleh Hjh. Asmayani Suhaida binti Kamaruddin dari Tetuan Zamani Mohamad & Co. Setelah mendengar keterangan pihak-pihak beserta saksi-saksi dan meneliti Hujahan Bertulis pihak-pihak, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN PERINTAH-PERINTAH SEPERTI BERIKUT :**

Fakta Kes

- [1] Tuntutan ini difailkan oleh Plaintiff bagi menuntut hak beliau sebagai seorang isteri yang telah diceraikan terhadap pemberian suguhati (Mutaah) daripada Defendan.

- [2] Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 11 Ogos 2017 dan telah bercerai pada 21 November 2017 dengan perceraian talaq satu kali pertama (rajie) berdasarkan lafaz cerai oleh Defendan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu.
- [3] Hasil perkahwinan, Plaintif dan Defendan telah dikurniakan satu (1) orang anak iaitu AAA (4 tahun).
- [4] Dalam tempoh perkahwinan, Plaintif bekerja sebagai Pengurus Tadika Brainy Bunch Islamic Montessori manakala Defendan bekerja sebagai Usahawan.
- [5] Pernyataan Tuntutan telah difailkan oleh Plaintif pada 26/2/2018 supaya Defendan diperintahkan membayar Mutaah sebanyak RM400,000.00. Plaintif juga memohon kos tuntutan ini ditanggung oleh Defendan, dan apa-apa perintah yang difikirkan patut dan suaimanfaat. Pembayaran Mutaah tersebut dipohon dibuat secara terus kepada Plaintif dengan cara dimasukkan ke dalam akaun Bank Plaintif, Maybank, No. Akaun : 11301531XXXX.
- [6] Defendan melalui Pernyataan Pembelaannya yang bertarikh 12/4/2018 memohon supaya tuntutan Mutaah Plaintif ditolak dengan kos dan tidak bersetuju dengan jumlah tuntutan tersebut memandangkan ianya adalah tinggi dan di luar kemampuan Defendan.

ALASAN PENGHAKIMAN YA Tuan Haji Rosdi bin Harun, HMTS :

Bidangkuasa

- [7] Tuntutan yang didengar ini Tuntutan Mutaah di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Mengikut undang-undang, bidangkuasa mengenai tuntutan Mutaah, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah sebagai bidangkuasa asal dan juga kepada Mahkamah Rendah Syariah. Peruntukan sub-seksyen 11(3)(b)(i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan -

- [8] Sub-seksyen 11(3)(b)(i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah -

(a) ...

(b) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan(fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman(faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;

(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i),

- [9] Selain dari itu tentang Tuntutan Mutaah, seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu), 2017 memperuntukkan :

Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon Mutaah atau pemberian saguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut menurut Hukum Syara'.

- [10] Mengenai permastautinan Plaintiff pula, Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 pula memberi tafsiran “*bermastautin*” ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang

tertentu. Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas dan berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan di dalam Mahkamah ini, Saya berpuashati bahawa Plaintiff pada masa tuntutan ini difailkan adalah bermastautin di XXX, Kampung XXX, 20050, Kuala Terengganu, Terengganu.

[11] Daripada peruntukan undang-undang di atas, jelaslah bahawa bidangkuasa mendengar dan memutuskan kes utama di hadapan Saya ini boleh dibawa di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu ini dan Plaintiff adalah layak untuk memfailkan tuntutan di Mahkamah ini.

[12] Menurut penelitian saya sepanjang kes ini berjalan, Saya dapat merumuskan bahawa 2 (dua) isu penting yang menjadi soal yang perlu diputuskan merangkumi perkara berikut iaitu :

Pertama : *Sama ada Plaintiff berkelayakan menuntut dan menerima Mutaah daripada bekas suaminya / Defendan?*

Kedua : *Sama ada jumlah tuntutan Mutaah sebanyak RM 400,000.00 adalah wajar dan munasabah sebagai Mutaah?*

ISU PERTAMA YANG MENJADI SOAL

Sama ada Plaintiff berkelayakan menuntut dan menerima Mutaah daripada bekas suaminya / Defendan?

[9] Mutaah mengikut tafsiran berkanun seperti yang ditafsirkan di dalam sub-seksyen 2(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, (Terengganu) 2017, ertinya "*pemberian saguhati yang diberi menurut Hukum Syara' kepada isteri yang diceraikan*". Mengikut Hukum Syara', sebagaimana yang disebut di dalam kitab *Kifayatul Akhyar*, juzuk 2 halaman 42, Mutaah diertikan sebagai :

وهي اسم للمال الذي يد فعه الرجل الى امرأته لمفارقتة اياها

Maksudnya : "*Mutaah ialah nama bagi harta yang diberikan oleh suami kepada isteri kerana suami menceraikannya*".

- [10] Pensyariatan Mutaah ini telah secara jelas dapat dilihat melalui firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 241 :



Maksudnya :

"Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhak mendapat Mutaah (pemberian sugu hati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa".

- [11] Dalam menghuraikan ayat ini, Prof. Dr. Hamka, melalui *Tafsir al-Azhar* telah menyebut dengan panjang lebar bahawa ayat ini adalah untuk menjelaskan lagi sebab pada ayat 236 yang mana sudah diterangkan bahawa perempuan yang ditalaq sebelum disentuh (disetubuhi), ataupun maharnya belum dibayar, supaya diberi ubat hati kerana bercerai. Ini sudah jelas, tetapi dengan ayat ini dijelaskan lagi yang tadi belum dijelaskan iaitu semua isteri yang diceraikan, bukan saja yang belum disentuh, hendaklah diberi juga pengubat hati jika dia diceraikan, iaitu menurut berapa patutnya wang, barang, emas, perak atau rumah lengkap dengan isinya.
- [12] Di dalam kitab *ʿanat al-Talibin* juzuk ketiga, halaman 356 ada menyebut :

تجب عليه لزوجة موطوءة ولو أمة متعة بفراق بغير سببها وبغير موت أحدهما

Maksudnya : *"Suami wajib memberi Mutaah kepada isterinya yang telah disetubuhi walau pun isterinya itu seorang hamba, oleh kerana berlakunya perceraian yang bukannya berpunca daripada isteri dan bukan juga disebabkan mati salah seorang suami isteri itu".*

- [13] Di dalam undang-undang, peruntukan mengenai Mutaah ini telah diperuntukkan. Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, (Terengganu) 2017, memperuntukkan :

Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon Mutaah atau pemberian sugu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut menurut Hukum Syara'.

- [14] Di antara hikmah disyariatkan Mutaah ialah bertujuan menutup rasa malu yang dialami oleh isteri, menghindarkan fitnah dan sebagai asas untuk memulakan hidup bersendirian. Hikmah yang lain juga adalah untuk menghilangkan prasangka buruk bahawa seseorang itu diceraikan bukanlah kerana keaiban yang ada pada dirinya maka, oleh sebab itulah Mutaah diwajibkan ke atas suami. Seorang isteri yang lazimnya bergantung hidup kepada suami akan menghadapi kepayahan untuk memulakan kehidupan bersendirian. Namun begitu, ia bukanlah syarat utama yang menentukan sama ada seseorang isteri yang diceraikan oleh suaminya layak mendapat Mutaah atau tidak.
- [15] Di dalam kes ini, Mahkamah telah memberi peluang yang bersesuaian mengikut pandangan Mahkamah bagi membolehkan kedua-dua belah pihak melalui sesi Majlis *Sulh* pada 12 Mac 2018. Namun, peluang yang ditawarkan oleh Mahkamah itu telah tidak dapat digunakan dengan sewajarnya oleh pihak-pihak bagi mencapai kata sepakat dan persetujuan di antara kedua-dua belah pihak. Dalam kedudukan seperti ini, Mahkamahlah yang akan mensabitkan wajib atau tidak Mutaah tersebut dan kadarnya, jika ia disabitkan.
- [16] Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff yang tidak dipertikaikan oleh Defendan bahawa Plaintiff dan Defendan telah berkahwin mengikut Hukum Syara' pada 11 Ogos 2013 dan bercerai dengan talaq satu kali pertama rajie pada 21 November 2017 di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala

Terengganu. Seterusnya, sepanjang 4 (empat) tahun perkahwinan, Plaintiff dan Defendan telah dikurniakan seorang anak bernama AAA (4 tahun).

- [17] Secara asasnya suami berkewajipan membayar Mutaah kepada mana-mana isteri apabila wujud **tiga unsur penting** iaitu perkahwinan, persetubuhan dan perceraian. Asas ini berpandukan kepada firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 241 :

وَالْمُطَلَّاتِ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Maksudnya :

...dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mutaah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib ke atas orang-orang yang taqwa.

- [18] Kewajipan Mutaah bagi isteri yang diceraikan adalah pendapat *qaul jadid* dalam Mazhab al-Syafie yang mana ulama' Syafiiyyah mewajibkan Mutaah bagi tiap-tiap *talaq*. Pandangan ini disokong oleh Abdullah Ibnu 'Abbas, Ibnu Umar, A'ta', Jabir Ibnu Zaid, Said bin Jubir, Hasaan al-Basri, Imam Ahmad dan Imam Ishak sepertimana disebut oleh Dr. Amir Abdul Aziz di dalam kitab *Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah*, Jilid 1, halaman 484.
- [19] Antara beberapa keadaan yang boleh menghalang isteri untuk menerima Mutaah daripada bekas suaminya dinyatakan oleh Dr. Ramadhan Ali as-Sayyid al-Syarnabasyi dalam kitab *Ahkam al-Usrah*, seperti berikut :

وقد أوجب الشافعي المتعة علي الزوج لكل مطلقة سواء أكان طلاقها قبل الدخول أم كان بعده
وسواء كان الطلاق بعد الدخول رجعيًا أم بائنًا إلا أن يكون سبب الفراق من الزوجة وحدها أو
منها ومن الزوج معا

Terjemahannya : *Imam as-Syafie telah mewajibkan Mutaah ke atas suami bagi setiap talaq sama ada sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh dan juga sama ada talaq raj'ie ataupun bain kecuali perceraian yang berpunca dari sebab isteri (seperti murtad atau memerdekakannya atau wujud aib padanya) atau berpunca dari dari kedua-dua pihak suami isteri (seperti kedua-duanya murtad).*

- [20] Saya merujuk kepada kes **Ahmad Shah Tabrani lwn. Norhayati Yusoff (2006) 1 CLJ** yang mana Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan pada halaman 6 telah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan suami telah menceraikan isterinya itu ialah seperti perceraian biasa sama ada dengan persetujuan bersama atau sebagainya dan juga apa yang dimaksudkan dengan perbuatan isteri ialah seperti isteri murtad atau dia memohon fasakh dengan sebab keaiban suami seperti suami gila atau mati pucuk atau suami seorang papa dan sebagainya, dan begitu juga jika difasakhkan nikah itu atas permohonan suami disebabkan oleh aib isteri seperti ada ketumbuhan daging pada alat kelamin isteri atau alat kelaminnya tersumbat.
- [21] Oleh itu, Mahkamah berpuas hati melalui keseluruhan keterangan yang diberikan oleh Plaintif bersama saksi-saksinya yang tidak dibantah semula oleh pihak Defendan dan saksinya dan turut dinyatakan ketika sesi soal balas oleh Peguam Plaintif pada halaman 41, Defendan mengakui faham berkaitan tuntutan Mutaah ini dan mengakui bahawa yang mula mengusulkan perceraian adalah Defendan sendiri dengan alasan merasakan Plaintif bukan orang yang sesuai untuk Defendan. Mahkamah berpendapat bahawa Plaintif berjaya membuktikan kepada Mahkamah bahawa perceraian yang berlaku antara Plaintif dan Defendan adalah secara talaq satu kali pertama *rajie* dan perceraian yang berlaku juga bukan kerana keaiban di pihak Plaintif. Saya juga berpendapat bahawa punca pergaduhan sebenar dan nilai siapa baik dan siapa jahat, hanya ALLAH sahaja Yang Maha Mengetahui.
- [22] Mahkamah juga berpuashati bahawa tanggungan Mutaah tidak gugur dalam apapun jua perceraian yang berlaku kecuali jika perceraian berlaku disebabkan keaiban di pihak isteri terhadap suaminya atau perceraian kerana mati. **Oleh itu, Mahkamah berpuashati dan sabit bahawa Plaintif berhak dan layak mendapat Mutaah ekoran perceraian yang berlaku antara Plaintif dan Defendan pada 21 November 2017.**

ISU KEDUA YANG MENJADI SOAL


Sama ada jumlah tuntutan Mutaah sebanyak RM400,000.00 adalah wajar dan patut sebagai Mutaah?

[23] Berdasarkan penelitian saya sepanjang kes ini berjalan, isu kedua ini merupakan isu yang paling penting yang perlu diputuskan oleh Mahkamah iaitu sama ada tuntutan Plaintif terhadap kadar bayaran Mutaah berjumlah RM400,00.00 adalah wajar dan patut ataupun sebaliknya.

[24] Isu ini merujuk kepada peruntukan seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang memperuntukkan :

*Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon Muta'ah atau pemberian sagu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, **memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut menurut Hukum Syara'**.*

[25] Dalam menentukan “**sejumlah wang yang wajar dan patut**”, peruntukan undang-undang tidak menyebut dengan jelas kadar sesuatu Mutaah itu namun roh perundangan dan panduannya telah dijelaskan di dalam firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 236 iaitu :



Maksudnya :

“tidaklah kamu bersalah dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) Dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk

mereka. Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi "Mut'ah" (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraiakan itu). iaitu: suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami Yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mahu berbuat kebaikan".

- [26] Mengenai perkara ini juga mengikut Hukum Syara', kadar Mutaah adalah tidak kurang dari tiga puluh dirham. Di dalam kitab *l'annah al-Talibin*, juzuk ketiga, halaman 357 ada menyebut :

و تسن أن لا ينقص عن ثلاثين درهم

Maksudnya : "Sunat kadar Muta'ah itu tidak kurang dari tiga puluh dirham".

- [27] Menurut kitab *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*, oleh Dr. Wahbah al-Zuhayli, juzuk pertama, cetakan ketiga, 1409H/1989M, halaman 76-77 ada menyebut bahawa, 10 dirham ialah tujuh *mithqal* emas. *Mithqal* yang biasa ialah 4.80 gram. Jika 30 dirham bersamaan ($30/10 \times 7 \times 4.80$) 100.8 gram emas. Jadi ianya didasarkan kepada nilai emas di pasaran tempatan pada masa ini.

- [28] Walaupun begitu jika berlaku pertelingkahan dalam menentukan kadar Mutaah antara kedua pihak dan tiada persetujuan dicapai antara pihak-pihak, mengikut Hukum Syara', Hakim hendaklah menentukan kadar Mutaah tersebut berpandukan kepada keadaan kedua-dua belah pihak semasa perceraian berlaku, dengan melihat kepada kesenangan dan kesusahan pihak suami serta keturunan dan sifat-sifat isteri. Keempat-empat kriteria ini telah disebut di dalam kitab *l'annah al-Talibin*, juzuk yang ketiga, halaman 357 yang berbunyi :

فان تنازعا قدرها القاضي بقدر حالها من يساره و اعساره ونسبها وصفاتها

Maksudnya : "Sekiranya berlaku perselisihan mengenai kadar Muta'ah yang patut dibayar oleh suami kepada isterinya, maka Hakim hendaklah bertindak sebagai penentu kadar Muta'ah itu berdasarkan

kriteria-kriteria berikut; kesenangan suami, kesusahan suami, keturunan isteri dan sifat isteri itu".

- [29] Merujuk juga kepada Kitab *Mughni al-Muhtaj*, Juzuk 3 halaman 24 yang menyatakan :

ثم إن تراضيا على شيء فذلك (فإن تنازعا) في قدرها (قدرها القاضي بنظره) أي اجتهاد
بحسب ما يليق بالحال (معتبرا حالهما) من يسار الزوج وإعساره ونسبها وصفاتها

Maksudnya : “Selepas itu, jika kedua-duanya bersetuju tentang sesuatu (kadar) maka itulah bahagiannya; jika keduanya bertelagah pada keadaannya ditentukan oleh Kadi mengikut pendapatnya iaitu ijihadnya sesuai dengan mengambilkira had keduanya, mengikut kesenangan suami dan kesusahannya dan nasab isteri dan sifatnya”.

- [30] Defendan dalam keterangan semasa di soal balas oleh Peguam Plaintif, menegaskan bahawa Defendan tidak bersetuju dengan kadar Mutaah yang dituntut oleh Plaintif, bahkan sesi Majlis Sulh yang diadakan juga tidak mencapai sebarang persetujuan. Defendan dalam keterangannya turut menafikan bahawa Defendan ada menawarkan nilai sebanyak RM25,000.00 mahupun RM10,000.00 pada masa Majlis *Sulh* berlangsung.

- [31] Mahkamah mendapati, Hukum Syarak tidak menetapkan formula khusus dalam menentukan kadar Mutaah yang tidak dipersetujui pihak-pihak. Sebagai Hakim Bicara, Saya mengambil pendekatan berijtihad dengan merujuk kepada beberapa kriteria yang digariskan dalam Hukum Syarak iaitu, “*kesenangan suami, kesusahan suami, keturunan isteri dan sifat isteri*”.

- [32] Selain itu, Mahkamah berpegang dan meletakkan beban bukti ke atas Plaintif dalam membuktikan bahawa kriteria-kriteria tersebut menjadikan “**wajar dan patut**” beliau mendapat kadar Mutaah berjumlah RM400,000.00 sebagaimana yang dituntut. Mahkamah juga merujuk kepada petikan Hadis :

البينة على المدعي واليمين على من أنكر

Bermaksud : “Keterangan dikenakan ke atas pihak yang menuntut/ mendakwa sementara sumpah dikenakan ke atas pihak yang ingkar”.

Berpandukan Hadith ini juga, meletakkan Plaintiff sebagai pihak yang kata-katanya menyalahi zahir sesuatu perkara, mengemukakan beban bukti, tidak kiralah beban perundangan mahupun beban mengemukakan keterangan, bagi membuktikan kesnya. Mahupun Defendan juga bertanggungjawab menggalas tugas yang sama bagi membuktikan kesnya.

- [33] Berdasarkan otoriti-otoriti yang telah dinyatakan, saya merumuskan bahawa berdasarkan Hukum Syara' terdapat beberapa faktor yang mesti diambil kira oleh Mahkamah dalam penentuan kadar Mutaah apabila kedua-duanya bertelagah tentang kadar Mutaah. Faktor-faktor yang mesti diambil kira ialah :
- [34] ***Kesenangan dan kesusahan suami*** – Hal ini merujuk kepada status dan kemampuan suami / Defendan dari sudut kewangan semasa berlakunya perceraian dan bukanlah ketika tuntutan Mutaah ini dibuat. Saya cuba menghalusi kriteria-kriteria tersebut secara lebih terperinci berdasarkan kepada fakta-fakta dan keterangan di dalam kes Plaintiff dan Defendan.
- [35] Saya merujuk kes *Tuan Farizah binti Tuan Ludin lwn. Mohd Razuhan bin Abdul Razab* JH Jilid 24 Bhg 2 (1428H) Disember 2007, m/s 352, yang mana Panel Rayuan telah menggariskan pertimbangan Mutaah seperti berikut :
- “...berasas kepada pekerjaan dan pendapatan atau lebih tepat lagi berdasar kepada kemampuan beserta harta-harta yang dimiliki, jika ada, tanpa mengambil kira kepada potongan-potongan berbentuk kemewahan dan sebagainya...”*
- [36] Berdasarkan kes ini, Saya cuba menghalusi kriteria-kriteria tersebut secara lebih terperinci berdasarkan kepada fakta-fakta dan keterangan dalam kes Plaintiff dan Defendan. Melalui perbicaraan yang dijalankan, Saya mendapat dapatan-dapatan berikut :
- [37] Berdasarkan Pernyataan Tuntutan Plaintiff di para 4, Plaintiff mengakui bahawa Defendan sebelum ini bekerja sendiri sebagai Kontraktor dengan mempunyai

syarikat sendiri yang menguruskan projek penternakan ayam serta mempunyai lesen Kontraktor mencuci bangunan dan lanskap yang diuruskan oleh pihak ketiga. Plaintiff turut mengakui bahawa projek penternakan ayam yang diusahakan bermula tahun 2013 adalah dengan berbekalkan modal daripada ayah Defendan sebanyak RM250,000.00. Plaintiff turut mendakwa Defendan mempunyai 7 (tujuh) buah syarikat yang didaftarkan di atas namanya yang mana kesemuanya masih aktif.

- [38] Plaintiff pada para 5 Pernyataan Tuntutan yang sama turut menyatakan Plaintiff tidak mengetahui pendapatan bulanan sebenar Defendan sepanjang perkahwinan, melainkan sebagaimana catatan di dalam borang perkahwinan sebanyak RM2000 sebulan dan berkenaan wang saku yang diberi oleh bapa Defendan sebanyak RM2000 sebulan (sebagaimana dimaklumkan oleh bapa Defendan iaitu bapa mertua Plaintiff). Semasa perceraian, Plaintiff yakin bahawa Defendan tidak bekerja. Akan tetapi, Plaintiff percaya Defendan mempunyai pendapatan sendiri dan / atau dengan bantuan ibubapa Defendan.
- [39] Berdasarkan sesi soal balas oleh Peguam Defendan, Plaintiff melalui keterangannya di Mahkamah, turut mengakui apa yang didakwanya di dalam plidingnya. Manakala, dalam soal utama muka surat 9 Nota Bicara disebut, “Berdasarkan aset-aset tersebut, Plaintiff tidak tahu secara detail pendapatan Defendan tetapi ayah Defendan akan bagi duit kepada Defendan sebanyak RM2000 atau RM3000 sebulan kepada Defendan. Ketika soal balas di muka surat 10 pula, Plaintiff menyatakan, rujuk Pliding para 5 – Plaintiff tidak tahu pendapatan sebenar Defendan – Plaintiff setuju kenyataan ini. Plaintiff setuju mengikut borang perkahwinan masa kahwin catatan dalam borang pendapatan Defendan hanya RM2000 sebulan.
- [40] Berhubung pembuktian berkaitan berjaya ataupun tidak perniagaan Defendan yang termasuk 7 (tujuh) syarikat yang didakwa dimiliki oleh Defendan, Plaintiff gagal mengemukakan apa-apa dokumen sokongan / penyata akaun untung rugi kesemua syarikat yang didakwa dimiliki Defendan. Dalam menjelaskan

isu ini, Defendan dalam soal utama, mengakui ada 7 (tujuh) syarikat. Kesemua syarikat tersebut didaftarkan sebelum pilihanraya sebelum ini. Syarikat-syarikat itu adalah syarikat *dummy* kerana Defendan dijadikan dana politik dan syarikat telah mati pada Oktober 2018. Menurut Defendan, “Syarikat tersebut tidak ada sebarang akaun dan tidak digunakan untuk sebarang kerja pun. Tidak ada audit untung rugi”.

[41] Dalam menentukan pekerjaan dan pendapatan Defendan, Saya berpandangan satu-satunya pendapatan Defendan yang boleh dijadikan asas untuk mengukur kemampuan Defendan adalah berdasarkan wang yang dimiliki oleh Defendan dalam masa sebulan, iaitu sekitar RM2000 dan tidak melebihi RM3000 sahaja sebagaimana keterangan Plaintiff yang mana ia tidak dibantah oleh Defendan. Daripada fakta yang tidak dipertikaikan ini, Saya berpandangan bahawa Defendan wajar digolongkan dalam kategori mereka yang sederhana tetapi berkemampuan.

[42] ***Keturunan Isteri dan Sifat Isteri*** – Keturunan isteri merujuk kepada keadaan keluarga isteri / status keluarga isteri dalam masyarakat manakala sifat isteri merujuk kepada perwatakan isteri.

[43] Saya juga merujuk kes ***Rokiah binti Haji Abdul Jalil Iwn. Mohamed Idris bin Shamsudin (1986) 6 JH 272***, di mana Yang Amat Arif Hakim Rayuan di antara lain telah merujuk kepada kes ***Noor Bee Iwn. Ahmad Sanusi (1978) 1 JH 63*** di mana :

Yang Arif Kadi Besar di dalam kes itu telah berkata bahawa :

“Dasar Muta’ah adalah keredhaan kedua pihak tetapi jika tidak tercapai persetujuan maka penentuan dibuat oleh Qadhi. Penentuan kadar telah digariskan oleh Syara’ ***dengan nilai kedudukan kaya miskinnya suami dan sifat serta kedudukan isteri. Sifat ialah perwatakan dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat. Kaya dan miskin ialah nilai semasa dari segi perolehan dan pemilikan***”.

- [44] Berkait dengan keturunan isteri, berdasarkan keterangan utama Plaintiff, bapa Plaintiff telah meninggal dunia ketika beliau berusia 8 (lapan) tahun. Manakala ibu Plaintiff masih ada dan sebagai surirumah. Seterusnya, adik-beradik Plaintiff seramai 9 (sembilan) orang (Plaintif anak bongsu), kesemuanya mempunyai kerjaya masing-masing dan mempunyai pendidikan di tahap diploma dan ijazah. Tidak dinyatakan kadar pendapatan mereka. Selain itu, tidak terdapat apa-apa kenyataan yang menunjukkan keturunan dan status keluarga Plaintiff adalah dari golongan bangsawan mahupun kenamaan yang dikenali masyarakat. Justeru itu, Saya berpandangan bahawa Plaintiff boleh dikategorikan tergolong dari kalangan keluarga biasa-biasa dan kebanyakan sahaja.
- [45] **Sifat/perwatakan isteri/Plaintif** - Berpandukan keterangan Plaintiff dan juga keterangan saksi-saksi Plaintiff pada awal perkahwinan (4 bulan selepas berkahwin), Plaintiff berhenti daripada bekerja sebagai Pensyarah di KIST, Kuala Berang kerana tidak dibayar gaji. Selepas itu, Plaintiff bekerja di Tadika Brainy Bunch di Setia Alam Selangor sebagai guru tadika biasa selama 9 bulan. Selepas mengandung anak pertama, Plaintiff dinaikkan pangkat sebagai Pengurus cawangan Gong Badak yang mana pada ketika itu Plaintiff tinggal berjauhan dengan Defendan selama 9 bulan. Pada Januari 2017, Plaintiff dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Bahagian Pantai Timur. Hal ini tidak dipertikaikan oleh Defendan.
- [46] Walaubagaimanapun, Mahkamah melihat bahawa pengorbanan Plaintiff sebagai isteri dan ibu dalam tempoh perkahwinan boleh dipertimbangkan secara adil dalam menentukan pemberian Mutaah kepada Plaintiff. YAA Tan Sri Dr. Haji Ibrahim bin Lembut dalam penghakiman kes *A. Rahman bin Ismail Iwn Norhayati binti Mamat*, Rayuan Kes Mal No.: 11000-016-0011-2014 (Kes tidak dilaporkan), diputuskan pada 10/3/2015, menyebut :

“Kami bersetuju bahawa tidak ada nas yang menghalang usia perkahwinan ditimbang oleh hakim bicara dan faktor usia perkahwinan 'in perse' bukanlah suatu faktor yang secara langsung boleh mempengaruhi pertimbangan kadar Mut'ah,

namun ianya tidak menghalang faktor tersebut dikira dalam pertimbangan pengorbanan isteri dalam perkahwinan yang boleh mempengaruhi kadar Mut'ah yang wajar kepada isteri”.

- [47] Pengorbanan Plaintiff disebut semasa keterangan utama Plaintiff pada muka surat 4, Nota Bicara, yang mana semasa dalam tempoh perkahwinan, Plaintiff bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan mendapat keizinan Defendan untuk keluar bekerja. Anak Plaintiff dijaga oleh emak mertua dan Plaintiff yang bayar kepada emak mertua. Semasa anak berumur 9 bulan, anak dihantar ke Tadika Permata dan yuran dibayar sepenuhnya oleh Plaintiff. Plaintiff dalam keterangannya memaklumkan bahawa bekerja dengan niat untuk membantu Defendan, Plaintiff juga dilihat sebagai seorang isteri yang sabar kerana sanggup berulang alik secara bergilir tinggal di rumah ibunya di Kampung XXX dan di rumah ibu mertua di Kampung XXX, Tok Jembal memandangkan Defendan tidak mempunyai kemampuan untuk menyediakan rumah kediaman secara berasingan untuk mereka sekeluarga. Fakta ini tidak dibantah oleh Defendan dan diakui oleh saksi pertama Defendan (bapa mertua Plaintiff) pada muka surat 43, *“Selepas kahwin Plaintiff dan Defendan tinggal secara bergilir di XXX dan di XXX”*.
- [48] Mahkamah berpendapat bahawa berkenaan dengan sifat Plaintiff sebagai seorang isteri dalam masa perkahwinan, aspek pengorbanan Plaintiff, Mahkamah melihat bahawa Plaintiff yang telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dan ibu dengan baik. Mahkamah juga berpandangan bahawa tanggungjawab dan pengorbanan yang dizahirkan kepada Defendan dalam tempoh perkahwinan adalah wajar diberi suatu pertimbangan oleh Mahkamah dan termasuk di bawah laras sifat isteri dan perwatakannya.
- [49] Oleh itu, dalam mengaplikasikan kesemua prinsip-prinsip di atas, maka fakta-fakta yang diperolehi dalam perbicaraan sebagaimana berikut adalah relevan untuk pertimbangan Mahkamah :

1. Bahawa perkahwinan di antara Plaintiff dan Defendan adalah selama 4 (empat) tahun. Ini bermakna bahawa Plaintiff telah berkhidmat kepada Defendan untuk suatu tempoh yang singkat.
2. Bahawa perceraian yang berlaku adalah perceraian kali pertama (*raj'ie*). Perceraian berlaku melalui permohonan perceraian yang diusulkan dan difailkan oleh Defendan terhadap Plaintiff setelah usaha penyelesaian antara pihak-pihak gagal (termasuk melalui beberapa sesi kaunseling). Plaintiff secara jelasnya berpendirian tidak bersetuju untuk bercerai dan tidak mengetahui sebab yang munasabah kenapa beliau diceraikan dan tidak pernah terfikir untuk bercerai dengan Defendan.
3. Plaintiff banyak menyumbang kepada keluarga, di mana Plaintiff di awal perkahwinan sehinggalah berlaku perceraian adalah seorang yang bekerjaya dan mempunyai pendapatan yang sederhana dan turut menguruskan rumahtangga dan anak serta menyumbang dalam perbelanjaan kewangan / kos sara hidup keluarga. Plaintiff juga dilihat sebagai seorang isteri yang sabar tinggal bersama ibu dan ibu mertua secara bergilir kerana sepanjang tempoh perkahwinan sehinggalah bercerai, Defendan tidak mampu menyediakan tempat tinggal berasingan untuk keluarga.
4. Semasa perceraian berlaku, pendapatan Defendan yang setakat diketahui Plaintiff dalam lingkungan RM2000 sebagaimana yang tercatat di dalam borang nikah. Defendan semasa dalam perkahwinan, ternyata banyak dibantu oleh bapanya dari segi aspek kewangan.
5. Sepanjang perkahwinan Plaintiff dan Defendan, Plaintiff sebagai seorang isteri telah menjalankan tanggungjawabnya terhadap rumahtangga mereka dengan baik selain sebagai ibu dan menantu yang baik kepada keluarga mertua.
6. Bahawa akibat daripada perceraian dengan Defendan, Plaintiff telah mengalami tekanan dan kesedihan dari segi mental dan fizikal. Ia juga telah menimbulkan kesedihan kepada Plaintiff dan mengundang perasaan malu dan

aib di hati Plaintiff di kalangan rakan sekerja, kaum keluarga dan masyarakat setempat disebabkan keruntuhan rumahtangga.

- [50] Setelah mengambilkira kriteria-kriteria di atas sepertimana hal keadaan kesenangan dan kesusahan suami serta hal keadaan keturunan dan sifat/perwatakan isteri yang saya catatkan di atas, Saya berpandangan Plaintiff layak menerima Mutaah tetapi tidaklah dengan jumlah RM400,000.00 sebagaimana tuntutan dibuat. Saya merumuskan Plaintiff layak untuk menerima Mutaah sebanyak RM1,000.00 (separuh daripada kemampuan Defendan mengikut pendapatan bulanan yang disepakati) + RM9,000.00 (keturunan Plaintiff yang sederhana dan sifat Plaintiff atas tanggungjawab, kesabaran serta pengorbanan beliau berkorban untuk suami dan anak, hubungan baik dan sikap mesra dengan mertua dan ipar duai, latarbelakang pendidikan dan kerjaya Plaintiff) = berjumlah RM10,000.00.
- [51] Saya turut mempertimbangkan kemudahan dari segi kadar bayaran Mutaah sebanyak RM10,000 tersebut adalah dengan pembayaran secara ansuran tiap-tiap bulan berjumlah RM500 sebulan (sepertimana jumlah nafkah bulanan yang pernah diberikan Defendan kepada Plaintiff semasa perkahwinan) iaitu selama tempoh 20 bulan.
- [52] Saya juga ingin menekankan di sini bahawa prinsip yang harus dipegang oleh Mahkamah Yang Mulia ini ialah kadar bayaran Mutaah yang difardhukan *mestilah tidak membebaskan Defendan*. Ia mestilah diukur secara seimbang mengikut kemampuan dari sudut kewangan Defendan dan juga status kedudukan/keturunan dan sifat Plaintiff.
- [53] Saya mengambil ruang untuk menegaskan di akhir penghakiman Saya sebagai suatu penerapan kepada *maqasid syariah*, bahawa pensyariatan dan pemberian Mutaah bukanlah untuk memberi kehidupan yang mewah kepada isteri selepas perceraian tetapi ia adalah sebagaimana dinyatakan oleh Syeikh Zakaria al-Ansari di dalam kitab *Asna al-Mathalib*, jilid 6, m/s 536 adalah *sekadar untuk menyukakan hati bekas isteri kerana perceraian itu menyakit hati kebarangkalian ada bisikan, umpatan terhadap isteri*. Oleh itu dengan

cara pemberian Mutaah tersebut menutup segala sangka buruk orang ramai terhadapnya”.

[54] Maka setelah meneliti keterangan yang diberikan pihak-pihak, beserta penghujahan dan juga ikatan dokumen berkaitan, SAYA putusan sebagaimana berikut :

1. **SAYA LULUSKAN** Tuntutan Mutaah yang difailkan oleh Plaintif, XXXX, No. K/P: 860414- 46- XXXX terhadap Defendan, XYXY No. K/P: 811217- 11- XXXX berdasarkan Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017;
2. **SAYA PERINTAHKAN** Defendan XYXY, No. K/P: 811217- 11- XXXX hendaklah membayar Mutaah berjumlah sebanyak RM10,000 kepada Plaintif XXXX, No. K/P: 860414- 46- XXXX secara ansuran sebanyak RM500 sebulan selama 20 bulan mulai Februari 2019.
3. **SAYA PERINTAHKAN** bayaran Mutaah tersebut hendaklah dibuat melalui akaun milik Plaintif sebagaimana berikut:

Nama : XXXX
No. KP : 860414-46-XXXX
Nama Bank : Maybank
No. Akaun : 1130153XXXX
4. **SAYA PERINTAHKAN** kos tindakan ini adalah ditanggung oleh pihak masing-masing.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan meterai Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada hari Selasa, 9 Jamadilawal 1440H, bersamaan 15 Januari 2019.

METERAI

.....
HAKIM SYARIE